

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[JERANTUT]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang dikeluarkan MARA bagi membiayai tajaan pelajar pada tahun hadapan serta jumlah penerima pembiayaan pelajaran MARA.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat,

MARA telah pun mengemukakan permohonan peruntukan sebanyak RM2.02 billion bagi RP1 RMKe-12 tahun 2021. Permohonan ini akan menampung keperluan pembiayaan pendidikan untuk 50,000 orang pelajar di dalam dan luar negara.